

Isu mahasiswa 'ikat perut'

» *Universiti dakwa kajian NGO berat sebelah, menyimpang perkara sebenar*

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Putrajaya

Kaji selidik sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mendakwa tiga daripada empat pelajar di enam universiti awam (UA) berada dalam situasi tidak mampu membeli makanan disifatkan berat sebelah.

Pentadbiran beberapa UA juga menyifatkan hasil kaji selidik itu boleh dipersoalkan kebolehppercayaan dan kesahihannya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata NGO itu perlu bertanggungjawab dengan kenyataan mereka.

Beliau berkata, mereka sepatutnya berdepan dengan pentadbiran UA terbabit bagi membuktikan kebenaran hasil kajian yang disebarkan itu.

Diam diri

Setakat ini, kata beliau, NGO terbabit sekadar berdiam diri setelah Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor HEPA UA mengeluarkan kenyataan rasmi bagi menafikan perkara itu di samping memperjelas pelbagai inisiatif kebajikan dilaksana bagi meringankan beban mahasiswa.

"Saya berpendapat senario dikatakan NGO terbabit adalah menyimpang daripada perkara sebenar dan soalan kajian mereka mungkin tidak cukup mendalam bagi 'mengorek' mesej tersembunyi di sebalik masalah pelajar.



Dari kiri; Rohana, Mohamed Fadzil, Idris dan Mohammad Shatar pada sidang media khas menjelaskan Program Kebajikan Mahasiswa dilaksanakan UA di Putrajaya, baru-baru ini.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

"Contohnya, jika pelajar mengadu menghadapi masalah kewangan, perlu dikaji punca isu itu adakah kerana berbelanja ikut kemahuan atau sememangnya benar-benar tidak mampu.

"Tanyakan adakah mereka mempunyai telefon bimbit, jenama apa dan berapa kali mereka menambah kredit telefon seminggu?" katanya pada sidang media bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, baru-baru ini bagi menjelaskan program kebajikan yang dijalankan UA.

Kes terpercik

Tiga lagi TNC HEPA UA turut menyertai sidang media khas itu iaitu Prof Datuk Dr Rohana Yusof

dari Universiti Malaya, Prof Dr Mohamed Fadzil Che Din (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) serta Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof Mohamed Fadzil pula tidak menafikan kemungkinan wujud kes terpercik, antara dua hingga lima peratus daripada keseluruhan komuniti mahasiswa di sesebuah UA yang benar-benar kurang berkemampuan hingga terpaksa 'ikat perut' namun tidak membatikan majoriti pelajar seperti digambarkan NGO terbabit.

Katanya, selaras peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1996, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar diwujudkan di

“Tanyakan adakah mereka mempunyai telefon bimbit, jenama apa dan berapa kali mereka menambah kredit telefon seminggu?”

Mohammad Shatar,
TNC HEPA UPM

setiap UA bagi memastikan pelajar memerlukan dibantu dengan cara sewajarnya selain pelbagai inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar yang turut sama-sama membantu pengurusan memastikan hal itu.

Prof Noor Aziah pula menjelaskan, inisiatif UA dalam menawarkan pelbagai bentuk bantuan kebajikan dirancang teliti dengan

INFO

Program kebajikan mahasiswa di UA pada Januari hingga Disember 2015

RM15,279 292

Jumlah bantuan yang disalurkan

31,776

Jumlah pelajar menerima bantuan

6,813

Jumlah pelajar bekerja di kampus

turut mengambil kira kaedah bagi menjaga maruah diri mahasiswa terbabit kerana memahami segelintir golongan pelajar itu malu untuk mengaku situasi dihadapi mereka.

Makanan percuma

"Contohnya, dalam melaksanakan program pemberian makanan percuma kepada pelajar, kami ada juga meminta pelajar menulis nama mereka supaya senang dikenal pasti sama ada mereka dalam golongan yang perlu diberi bantuan lanjut, tetapi masih ada yang enggan memberi kerjasama dalam hal itu," katanya.

Sementara itu, Prof Rohana menjelaskan mekanisme kebajikan mahasiswa bukan setakat menghulurkan bantuan kewangan atau barangan, malah turut membolehkan mereka berdikari untuk menampung kos sara hidup.

Antara lain, katanya, pelajar dibimbing bagi menceburi bidang keusahawanan dan diberi peluang bekerja dalam kampus termasuk sebagai pembantu makmal, tutor serta bekerja di pejabat.